

16/06/2000

Lahirkan umat mulia: Seri Paduka

KUALA LUMPUR, Khamis - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengajak umat Islam mengamalkan akhlak Islam dalam kehidupan seharian bagi melahirkan umat yang mulia, berjaya dan dihormati serta bersatu padu.

Baginda bertitah, akhlak mulia yang dibawa serta disempurnakan Nabi Muhammad kepada umat Islam adalah satu unsur yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam membina tamadun bangsa.

"Dalam Islam, pengertian akhlak mulia meliputi semua sudut kehidupan, termasuk kehidupan kemasyarakatan, ekonomi, perhubungan antara kaum dan bangsa serta peperangan," titah baginda pada sambutan Maulidur Rasul 1421 Hijrah peringkat kebangsaan di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini.

Hadir sama Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman serta menteri Kabinet.

Baginda turut menyampaikan anugerah Maulidur Rasul kepada beberapa orang yang berbakti. Mereka ialah Sarjan Rosmadi Ruslan; Yahya Mohd Ali; Elina Abdul Aziz; Mohamed Yunus; Datuk Hamzah Hasan; Abdul Razak Abdul Hamid; Inspektor Mit a/l Emong; Sazali Abdul Karim; Abdul Razak Idris dan Mejar Mohamad Rizal Mat Hasan.

Seri Paduka bertitah, akhlak mulia adalah aspek tumpuan atau intisari ajaran Islam dalam membentuk kehidupan manusia yang sejahtera dan menjadi antara tugas yang perlu disempurnakan Rasulullah.

Jika diimbas kembali zaman Nabi Muhammad diutuskan sebagai Rasul, masyarakat pada masa itu tidak mempunyai akidah yang betul, melakukan pelbagai amalan ganjil, tidak berperikemanusiaan serta tidak mempunyai akhlak mulia.

"Kehidupan mereka penuh dengan amalan kolot dan moral yang buruk, tetapi kedatangan Rasulullah menjadikan mereka umat mulia, berjaya dan dihormati.

"Daripada orang yang suka bermusuhan dan berperang sesama sendiri, mereka menjadi saudara dalam Islam dan menghentikan permusuhan dan peperangan sesama sendiri," titah baginda.

Seri Paduka bertitah, ketertiban dan kesopanan dalam hubungan antara manusia dengan manusia tidak kurang pentingnya berbanding hubungan antara manusia dengan Allah.

Justeru, baginda berkata, umat Islam hendaklah berpegang kepada tali Allah, iaitu kepada agama Islam, serta tidak bercerai-berai dan ditegah melakukan perbuatan yang membawa kepada perpecahan ummah.

Begitu juga dalam bidang dagangan, jika segala urusan yang mempunyai peraturannya diamalkan, ia akan mengeratkan perhubungan sesama Islam dan memajukan ekonomi umatnya.

"Kaedah akhlak yang ditentukan hendaklah dipatuhi dalam semua sudut kehidupan. Apabila semua itu diikuti, maka terjelmalah kebaikan yang banyak," titah baginda.

Seri Paduka turut mengajak umat Islam melaksanakan tuntutan syariat Islam dengan tekun dan ikhlas serta melakukan amal kebajikan untuk kemajuan agama, bangsa dan negara.

Umat Islam, titah baginda, hendaklah mencontohi sunnah Nabi yang mulia agar dapat menjadi insan yang mulia dan diterima oleh Allah.

Menurut baginda, manusia selalu lalai, lupa dan sering melanggar panduan dan peraturan yang dituntut untuk diikuti dan diamalkan, sehingga

menyebabkan kepincangan dan kerosakan di bumi ini.

Masalah seperti kemelesetan ekonomi, pencemaran alam sekitar, gejala sosial, perpecahan umat dan sebagainya berpunca daripada kelalaian dan kerakusan manusia sendiri, titah baginda yang memetik ayat 41, Surah Al-Rum, sebagai renungan umat Islam.

Maksud ayat itu: "Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia: (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

(END)